

**(Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Perkara V - Usul-Usul Yang Diberi Notis iaitu satu Usul telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada persidangan yang kita telah adakan sebelah pagi tadi. Kita telah mendengar kenyataan-kenyataan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, bagi membahaskan Usul ini.

Walau bagaimanapun, bersama saya di sini masih ada lagi senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Usul ini. Untuk tidak menbuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat baik yang di sebelah sini atau di sebelah sana. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, kaola bersyukur kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana sempat lagi menyertai rakan-rakan untuk berucap menyokong Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2021 pada hari Isnin 01 Syaaban 1442 bersamaan 13 Mac 2021. Kaola juga dengan hormat mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan ruang untuk kesempatan yang keemasan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, permulaan inti pati Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda mulakan dengan pujian kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى tanda kesyukuran baginda kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang memberkati usaha bersepadu semua pihak dan doa yang terus-menerus dirafakkan, maka negara kita dapat membendung wabak coronavirus *COVID-19* yang memberi impak besar kepada sosioekonomi dunia tidak terkecuali kita.

Sesungguhnya kita senegara sangat menjulang tinggi kepimpinan bijaksana baginda dalam saat-saat yang mencemaskan iaitu berpunca dari jangkitan yang dibawa oleh segelintir

anggota masyarakat kita yang pulang dari tanah air, yang pulang dari luar negeri setelah menyertai perkumpulan besar keagamaan.

Dengan kebijaksanaan bagindalah, kerajaan telah menghadapi dan bergerak menempuh saat-saat yang mencemaskan itu secara bersepadu, menguatkuasakan undang-undang dan perintah serta aturan-aturan yang mana membawa kita senegara mengikut amalan-amalan kebiasaan baharu atau *the new norms* yang ternyata bahawa kita senegara menerimanya dengan baik dengan mematuhi *SOP* yang dikuatkuasakan.

اللَّهُمَّ، dalam kita berusaha membendung wabak itu, kita juga menganggapnya atau menerimanya sebagai suatu kejadian yang memperlihatkan, secara اللَّهُمَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menguji kita.

Hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, telah dijelaskan اللَّهُمَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ oleh antaranya dalam ayat 155 surahtul Baqarah yang berbunyi:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ  
وَالْأَنْفُسِ وَالسَّمَرَاتِ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Yang terjemahannya / ertinya boleh dikatakan begini: Demi sesungguhnya Kami yakni اللَّهُمَّ menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan harta benda dan jiwa serta hasil-hasil tanaman yang dalam semua itu berilah berita gembira

kepada اللَّهُمَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ orang-orang yang sabar. Ya, memang bermaksud menguji ketabahan kita, ketabahan menghadapi keadaan dan suasana yang mencemaskan seperti kehilangan jiwa disebabkan wabak penyakit dan sebagainya.

Kekurangan hasil sumber-sumber utama pemakanan yang menyebabkan kelaparan atau juga kebuluran, kekurangan hasil negara yang menyebabkan sampai kepada kemelesetan ekonomi dan kewangan. Semua itu cabaran-cabaran dan ujian untuk apa? اللَّهُمَّ bermaksud menguji kesabaran kita dalam erti kata, tambah sambil berikhtiar yang wajar dan اللَّهُمَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menghargai jika kita sabar itu menerima keadaan sukar dan bahkan keadaan yang menakutkan itu dengan tetap mengukuhkan keyakinan pegangan kita kepada اللَّهُمَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ untuk sesuatu itu berlaku ada dengan hikmah-Nya yang tertentu.

Makanya ayat tersebut tadi disambung dengan ayat seterusnya, Asyabirin itu siapa? Mereka itu ialah:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

iaitu: Mereka orang yang memulangkan segala apa jua yang menimpa mereka, semua datang daripada اللَّهُمَّ dengan mengandungi hikmah tertentu yang اللَّهُمَّ tentukan.

Mengenai ujian menghadapi wabak *COVID-19*, sejauh ini dalam konteks realitinya ternyata kita lulus. Ternyata kita berjaya sebab kita tidak gopoh-gapah, tidak panik. Kita tidak

menimbulkan sebarang suasana seolah-olah kita hilang punca, sebaliknya kita berusaha dengan niat yang murni dan dengan azam **اللَّهُ** yang jitu untuk berjaya. Lalu dengan izin , kita boleh dikatakan 'melimpasi' markah bukan saja setakat lulus bahkan ke tahap jayyid jiddan yang sangat baik, kalau pun tidak mumtaz iaitu *excellent*.

Dalam kesempatan ini, kaola dengan ikhlas merakamkan tahniah dan pujian tanda penghargaan kepada Kementerian Kesihatan dan menterianya, rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohd. Isham bin Haji Jaafar berserta pasukan Yang Berhormat, yang proaktif dan dedikasi memandu sebagai barisan hadapan utama dan memandu rakan-rakan mereka dari semua kementerian bagi merangkakan langkah-langkah dan tindakan yang wajar dalam usaha sepadu mencegah penularan wabak *COVID-19* itu.

Satu perkara lagi mengenai ujian ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mungkin ujian yang didatangkan oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berupa wabak global *COVID-19* yang turut melanda negara kita ini juga adalah sebagai petanda atau sebagai tanda-tanda amaran awal untuk kita terus berhati-hati dalam menjalani kehidupan ini sama ada di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan seterusnya bangsa supaya dalam hiruk-pikuk kesibukan memajukan negara dalam segenap bidang, kita jangan sampai melonggarkan pegangan keimanan kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan ajaran-ajaran-Nya.

Jangan sampai kepada tahap yang membuat kita perlahan-lahan tergelincir daripada landasan yang kukuh dan hala tuju yang betul ke arah yang diredai oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Dalam aspek ini, sama-samalah kita menilainya. Kita mungkin perlu mengintrospektif diri kita sendiri dalam semua peringkat. **اللَّحْمُدُ لِلَّهِ**, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan keinsafan bahawa wabak *COVID-19* yang menakutkan itu kita hadapi dengan tenang lalu sambil berusaha membendung dan mengatasinya secara saintifik, profesional dan praktikal yang lazim.

Kita telah menyertakan amalan-amalan yang baik dan terpuji di sisi **اللَّهُ** dan ia berupa berdoa kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Kita tidak saja berdoa memohon untuk mendapat rahmat perlindungan-Nya dari wabak ganas itu, bahkan juga kita berdoa memohon ampun kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas dosa dan keterlanjuran termasuk dalam erti kata menzalimi diri sendiri dan orang lain.

Maka, seterusnya untuk mengukuhkan doa kita itu, kita telah lakukan amal ibadat semata-mata kepada **اللَّهُ**. Amal kebajikan dan amal soleh sesama kita hamba-hamba **اللَّهُ** dan dengan ikhlas kita melakukannya kerana **اللَّهُ** jua. Ditambah lagi dengan adanya kesedaran selaku komuniti, kita orang Brunei telah menunjukkan semangat khidmat bakti yang tinggi terutama daripada petugas-petugas barisan hadapan.

Dalam masa yang sama, kita mendapati kalangan sukarelawan muncul khasnya daripada generasi muda baharu yang aktif dengan kerja-kerja sukarelawan. Semua ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menjadi pemangkin ketahanan nasional kita sebagai komuniti dan bangsa.

Berkat semua itu, kita dapat menjalani kehidupan dalam suasana kebiasaan baharu atau *the new norms* dengan mematuhi sekatan-sekatan yang diatur dan dikuatkuasakan seterusnya secara berhemat kita longgarkan secara bertahap setelah didapati negara dapat mengawal baik penularan wabak *COVID-19*, dan **رَحْمَةُ اللَّهِ** sekarang kita berada pada tahap kelima yang disambut baik oleh kita senegara.

Namun dalam semua ini, hendaklah kita pula tetap berwaspada, jangan bersikap 'siuk' sendiri dan jangan sekali-kali menunjukkan 'iski' yang mungkin ada orang lain tersemat di mana-mana merasa rawan hati.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola seterusnya menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkaitan dengan pembangunan modal insan, ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahan fiskal negara.

Kita di Dewan ini, tentu dapat memahami betapa keprihatinan baginda ke atas tiga perkara ini yang menurut baginda, semua ini memerlukan komitmen seluruh

lapisan terutama sekali pemegang dasar kerajaan.

Maka, sehubungan dengan itu, kaola dan Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku pemegang dasar dalam pembangunan modal insan dalam bidang hal-ehwal agama iaitu dari pendidikan persekolahan rendah agama, peringkat menengah dan persekolahan Arab serta Tahfiz Al-Quran dan seterusnya peringkat pengajian tinggi perguruan agama, abis kaola akan terus menjadikan semua itu diajarkan pendidikan agama secara sistematik iaitu yang dimaksudkan dengan secara bersistem itu ialah untuk pendidikan yang sempurna, yang memungkinkan setiap kanak-kanak Islam mampu melaksanakan fardu ain mereka selaku orang Islam seterusnya mengetahui serta memahami ajaran agamanya dengan fahaman serta amalan yang tidak sahaja betul, bahkan diterapkan ke dalam sikap atau pembawaan ajaran Islam yang holistik selaku agama **اللَّهُ** yang mendatangkan

**رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ**

Tegasnya, mereka tidak tinggal bersemangat agama semata-mata bahkan hendaklah memegangnya dengan berhemah dan inilah pegangan dan amalan agama Islam kita di negara ini telah tidak menjuruskan anak bangsa yang berpendidikan Islam yang sempurna dan sistematik itu.

Mereka tidak terjerumus ke arah fahaman Islam radikal dan menjadikan mereka pelampau agama yang sukar untuk berada sama dalam arus perdana dan negaranya syukur **رَحْمَةُ اللَّهِ** .

Sementara dari aspek ekonomi khususnya usaha mengukuhkan kedayatahan fiskal negara, Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi institusi zakat, wakaf dan amalan-amalan sedekah telah dan sedang menyumbang dengan baik ke arah itu.

Contohnya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua ialah zakat yang dikutip dan dikumpul setiap tahun diagihkan kepada asnafnya iaitu yang disebut Al-Mustakunanizakat (orang-orang yang berhak bagi diuntukkan agihan zakat kepadanya) yang *populanya* mereka itu ialah fakir miskin dan mualaf. Mereka mendapat agihan bagi menampung belanja hidup mereka di samping belanja anak-anak mereka yang bersekolah, ada yang mengikuti latihan-latihan kemahiran dan yang penting juga ialah antara fakir miskin dan mualaf ini dibangunkan rumah kediaman sendiri atau juga disewakan rumah.

Bayangkan untuk menampung agihan-agihan kepada asnaf fakir miskin dan mualaf yang terdiri daripada hampir 4,000 keluarga dengan seramai lebih 15,000 jiwa, sejumlah lebih \$20 juta setiap tahun telah diperuntukan. Selain itu, ada lagi golongan yang berhutang yang di sebut Al-Gharimin, antara mereka ada yang layak untuk menerima agihan selaku Al-Gharimin itu telah dibayarkan hutang, sama ada hutang yang tertunggak ataupun dalam keadaan-keadaan tertentu dilangsaikan kesemua hutangnya termasuklah hutang perumahan negara, bekalan elektrik, air dan juga hutang kenderaan kepada institusi kewangan.

Inilah sebahagian contoh yang juga menyumbang kepada memelihara kebajikan rakyat terutama dalam kalangan yang memerlukan kebajikan mereka dikelingai oleh negara dengan peruntukan kerajaan yang lazimnya di bawah skim JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam pembinaan masjid pula, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, setakat ini telah dibangunkan dua buah masjid dan memperbaiki beberapa buah masjid. Sumbangan kepada fiskal kerajaan setakat ini dalam hal-ehwal masjid melebihi \$8 juta dan pada masa ini ada lagi dana yang terkumpul sejumlah lebih \$15 juta. Jumlah tersebut berserta dengan unjuran jumlah kutipan tiga tahun ke hadapan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* sudah dirancang untuk *period* lima tahun akan membangun 5 buah masjid.

Bayangkan lagi sejumlah itu Perkhidmatan Hal Ehwal Agama dapat menampung kepada fiskal negara bagi memenuhi tanggungjawab kerajaan dalam pembangunan infrastruktur keagamaan seperti masjid dalam sebahagian keperluannya yang ada antaranya datang derma daripada orang ramai menerusi masjid-masjid, menyediakan bilik-bilik menyempurnakan jenazah dan kereta jenazah, dan ada juga bagi menampung peruntukan masjid, menyediakan keselesaan masjid berhawa dingin dan kemudahan bagi jemaah yang berusia lanjut untuk datang atau orang-orang cacat yang datang ke masjid-masjid.

Inilah sebahagian yang dapat dicontohkan bahawa institusi sosial di bawah Perkhidmatan Hal-Ehwal Agama dapat menyumbang dan menampung kepada fiskal negara.

Untuk itu, kaola dan Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada penyumbang-penyumbang zakat dan penderma-penderma. Merekalah sebenarnya yang telah menyumbang bagi mengukuhkan kedayatahan hasil fiskal negara itu, semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** memberkati mereka dan harta mereka.

Demikian itu sebahagian aspek Perkhidmatan Hal-Ehwal Agama menyumbang dan sekali gus menampung untuk mengukuhkan fiskal negara, membangun masjid dengan sumbangan derma, sedekah orang ramai termasuk penjawat awam dan anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Majlis Ugama Islam telah memutuskan untuk membangun 5 buah masjid yang sekarang ini sedang dalam penyediaan secara bertahap dengan kolaborasi bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pembangunan.

Dalam aspek ini adalah jelas ia dapat dikembangkan, antaranya dengan menyegerakan penubuhan Jabatan Zakat yang telah lama mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk ditubuhkan. Jabatan itu akan juga mengendalikan ehwal wakaf Majlis

Ugama Islam yang pada masa ini memiliki ratusan ekar tanah-tanah yang boleh dimajukan dan apa yang disebut sebagai Baitulmal yang juga akan mengurus harta terkumpul Majlis Ugama Islam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, demikianlah ucapan kaola pada menyokong Usul Dewan ini, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu menyembahkan junjung kasih sepenuh-penuhnya kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah dan keberangkatan baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara 2021.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

**أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunisa binti Ashaari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari:**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam benar-benar mencerminkan keprihatinan baginda dalam memastikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sentiasa hidup aman damai dan penuh kemakmuran.

Peramba / kaola / saya turut menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga para *frontliners* termasuklah para sukarelawan dan dermawan atas usaha yang sangat gigih dan sumbangan dalam mengawal penularan jangkitan *COVID-19* di negara ini.

Namun demikian seperti apa yang disampaikan melalui titah baginda, impak kepada ekonomi tidak dapat dielakkan dan negara ini akan melalui satu era yang sangat mencabar disebabkan keadaan ekonomi yang defisit. Pelbagai perubahan dan persediaan perlu dibuat bagi memastikan kemampuan sumber-sumber yang ada di samping membolehkan perkhidmatan harian berjalan dengan lancar.

Di sinilah bagi pendapat peramba / kaola / saya satu peluang untuk meningkatkan infrastruktur bagi perdagangan secara atas talian. Malahan dapat dilihat sewaktu pandemik ini, peningkatan dari segi pembelian secara atas talian dan

juga makin ramai berkecimpung berjual secara *pre-order* dan *dropship*.

Namun, risikonya di sini tanpa peraturan dan pemantauan timbullah isu penipuan atau pun menyewakan akaun bank bagi tujuan yang menyalahi undang-undang.

Selain itu, *payment gateway* bagi menerima pembayaran atas talian dari luar negara juga patut diteliti. Baginda turut membangkitkan isu mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) sama ada ia mampu menyara kehidupan rakyat apabila memasuki alam persaraan.

Di sinilah kita dapat melihat kepentingan peningkatan usaha dalam mempromosikan program-program celik kewangan dari umur yang lebih awal lagi. Ini bagi membantu dalam pengurusan kewangan yang lebih baik dan menggalakkan budaya menabung.

Apabila sektor ekonomi menurun secara tidak langsung impaknya juga mengakibatkan kecelaruan jiwa terutama kepada individu yang terkesan sekali gus membawa kepada peningkatan ketara kes-kes jenayah seperti curi, sebagai contoh, kes kecurian kabel baru-baru ini yang telah menjejaskan lebih seratus ribu orang pengguna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini peramba /kaola/ saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang difikirkan sangat penting untuk dibincangkan sewaktu persidangan ini:

1. Peramba / kaola / saya ingin menekankan bahawa tempat kerja yang kurang sihat disebabkan oleh

- gangguan fizikal dan mental boleh mengakibatkan produktiviti pekerja berkurangan. Di sinilah pentingnya undang-undang dan rangka kerja bagi menangani isu gangguan di tempat kerja agar memastikan tenaga kerja sama ada dipihak kerajaan mahupun swasta akan dapat dilindungi.;
2. Peramba / kaola / saya mengambil baik usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam bekerjasama dengan "Sejahtera Komuniti" bagi membangunkan tempat perlindungan bagi haiwan liar. Ia akan banyak memerlukan sumbangan dari pihak swasta dan juga orang ramai dalam mengurangkan masalah yang dihadapi dan diakibatkan oleh hidupan liar.;
  3. Peramba / kaola / saya menyokong inisiatif Sekretariat Perubahan Iklim Brunei dan Kementerian Pembangunan dalam menjalankan *Green Protocol*. Ia tidak sepatutnya dilihat hanya sebagai satu dokumen garis panduan di tempat kerja tetapi dipakai bagi kegunaan seharian. Peramba / kaola / saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sama-sama menyokong inisiatif mengurangkan penggunaan botol plastik dalam mesyuarat di Dewan yang mulia ini bagi tahun yang kedua. Di samping itu, peramba /kaola/saya menyambut baik perancangan kerajaan dalam memfokuskan kepada projek-projek berkaitan dengan tenaga solar dan kenderaan elektrik.;
  4. Pelancaran "Dasar Belia Negara" dan "Strategi 2020-2035" mencerminkan hasrat Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan penglibatan dan pengupayaan para belia, namun, bagi menjayakan inisiatif yang diharapkan kerjasama dari semua pihak sangat penting.; dan
  5. Negara Brunei Darussalam juga kini melalui fasa transformasi ke era digital iaitu sistem pembelajaran dan khidmat kerajaan dapat dibuat secara atas talian. Peningkatan platform e-Dagang, pembelajaran dalam talian dan e-Sukan telah menunjukkan keupayaan masyarakat terutama generasi muda kita dapat berkembang mengikuti arus revolusi digital. Namun, kita tidak seharusnya lupa isu jenayah siber yang semakin meningkat dengan kes-kes penipuan yang berlaku. Di samping itu, kita juga harus peka tentang cabaran yang mungkin dihadapi oleh kelompok terpinggir ataupun *marginalized communities* dalam menggunakan teknologi disebabkan oleh keadaan sosio-ekonomi ataupun infrastruktur.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada tahun ini Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan *ASEAN*. Peramba / kaola / saya ingin menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menganjurkan Persidangan *AIPA* pada tahun ini.



Inilah peluang kita untuk bekerjasama dan berkongsi pendapat dengan rakan-rakan di negara jiran dalam sama-sama menangani perubahan ekonomi dalam norma baharu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

#### **Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Lebih dahulu sukacita kaola dengan penuh hormat dan takzim menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di atas keberangkatan bercemar duli dan pengurniaan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara, kelmarin, hari Isnin, 01 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Negara sangat beruntung dinaungi oleh raja yang pemeduliaan serta prihatin terhadap hal-ehwal kebajikan rakyat dan penduduknya dalam semua peringkat masyarakat. Ini amat jelas dicerminkan dengan penghormatan tinggi dan hangat yang dikurniakan dalam titah baginda kepada semua petugas barisan hadapan dan bahkan seluruh lapisan masyarakat yang sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan baginda dalam membendung wabak koronavirus.

Tidak terkecuali para sukarelawan termasuk hampir 3,000 orang sukarelawan belia dan Alumni Program Khidmat Bakti Negara, individu badan bukan kerajaan dan persatuan yang telah memainkan peranan signifikan dalam usaha berterusan ini. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, mereka telah dan terus membuktikan diri sebagai aset negara yang memberikan nilai dan impak yang tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Apa yang turut penting titah baginda juga merupakan amanah dan hasrat yang perlu ditanai dengan sepenuhnya khususnya dalam pembangunan modal insan, ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahanan fiskal negara yang memerlukan komitmen seluruh lapisan terutama sekali pemegang dasar

kerajaan yang dikehendaki telus dan berani.

Titah baginda mempunyai pengertian yang sungguh holistik dan mendalam terhadap perkara-perkara yang mustahak yang dihadapi sebilangan masyarakat pada ketika ini termasuk penekanan baginda kepada isu pengangguran dan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Menyentuh kepada isu pengangguran kita amat bersyukur dengan kejayaan *Manpower Planning Employment Council (MPEC)* dalam menurunkan kadar pengangguran lebih-lebih lagi dalam inisiatif *MPEC* untuk memberikan peluang saksama kepada golongan sasaran ataupun *vulnerable groups* sebagai salah satu keutamaan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan terus komited untuk berkerjasama dengan *MPEC* dan *Job Centre Brunei* melalui Pelan Program Pekerjaan dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, seramai 873 orang dari golongan tertentu termasuk orang kelainan upaya, penerima bantuan dan golongan berpendapatan rendah telah mendapat pekerjaan sepanjang tahun 2020.

Apa yang penting impak jangka masa panjang turut diberikan melalui pengupayaan, pemerksaan dan penglibatan secara berterusan. Ini seiring dengan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan dan Pelan Tindakan OKU di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial ke arah membentuk golongan sasaran yang mandiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada masa yang sama selaku Pengerusi Lembaga TAP kaola dan keseluruhan warga TAP amat menjunjung serta menyanjung tinggi titah baginda berkenaan Skim TAP yang masih saja menjadi persoalan umum sama ada ia dapat menjamin ahli-ahlinya menghadapi hari-hari persaraan termasuk untuk turut menyara keluarga yang masih jadi tanggungan.

Sepertimana yang dikongsikan semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2020, pihak TAP sedang melaksanakan reviu bagi memastikan Skim TAP dan SCP signifikan, relevan dan dapat menjamin para ahli menghadapi hari persaraan.

Apa yang turut penting ialah dengan mengambil kira kadar penggantian pendapatan ataupun *income replacement rate* dapat dikekalkan untuk memastikan kesinambungan ahli-ahli menyara kehidupan selepas bersara.

**اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, proses reviu ini berada dalam fasa terakhir dan **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** ia untuk disegerakan. Dalam masa yang sama kita juga hendaklah menggalakkan bagi ahli untuk menambah simpanan melebihi simpanan yang ditetapkan melalui Skim Caruman Sukarela yang telah diperkenalkan pada tahun 2011. Pandangan yang telah dan akan dikongsikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat amatlah dihargai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum mengakhiri kaola sekali lagi menyebarkan setinggi-tinggi

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang jelas menekankan betapa pentingnya untuk mencetuskan perbincangan dua hala yang bernas dan bagi melaksanakan sesi permuzakarah yang berterusan.

Sehubungan dengan itu, turut dirakamkan setinggi penghargaan dan tanda terima kasih atas sumbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam jawatankuasa-jawatankuasa tertinggi bagi pengemaskinian dasar termasuk Dasar Belia Negara dan jawatankuasa-jawatankuasa khas berkaitan pelan-pelan tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Semoga di Dewan yang mulia ini, kita semua akan dapat membincangkan dan mengenal pasti pendekatan-pendekatan untuk memperkukuhkan lagi sistem pentadbiran termasuk pengemaskinian dasar dan peraturan secara berterusan ke arah pencapaian matlamat negara.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang kita menjemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan harapan, dan pandangan jauh baginda yang mencerminkan sifat pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Dalam titah tersebut, baginda telah banyak mengingatkan kita terhadap isu-isu penting yang perlu dicari cara penyelesaian dengan tujuan menjana ekonomi serta memperbaiki kehidupan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh sebahagian daripada titah baginda yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan, sektor swasta dan segenap lapisan masyarakat dalam menangani fiskal kerajaan yang menurun

disebabkan oleh ketidaktentuan harga minyak global dan mencari cara untuk menanganinya.

Kaola berpandangan bahawa ada ruang yang boleh dimanfaatkan dalam langkah kitani merangsang kemajuan aktiviti komersial dan juga menerokai pertumbuhan industri baharu.

Pada hemat kaola, sektor seperti pembinaan, harta tanah, pertanian, pelancongan, pengangkutan logistik dan tenaga dipercayai beberapa aktiviti yang boleh menyumbang kepada usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Mengenal pasti saja tidak cukup bagi kita.

Apa yang penting ialah usaha gigih dan kerja keras dari beberapa pihak untuk sama-sama meneliti kesesuaian dasar dan proses-proses yang sedia ada. Kalau ia dapat digubal bagi memenuhi kehendak pelabur dan pihak-pihak yang berminat.

Kaola percaya dengan kerja keras dan membuat keputusan yang cepat dan proses dalaman yang lebih berkesan akan dapat sama-sama mempercepatkan aktiviti kemajuan berunsurkan komersial serta merancang ekonomi pertumbuhan industri baharu.

Dengan keputusan yang cepat dan proses yang lebih mesra pelabur ataupun pengusaha, negara akan menikmati hasil pendapatan yang cepat dan ia dapat menarik lebih ramai lagi pelabur dalam kalangan rakyat tempatan mahupun negara luar.

Manakala menyentuh titah baginda mengenai dengan perihal pentingnya penggubal dasar supaya akan lebih berani dan telus. Saranan baginda ini kaola sanjung setinggi-tingginya dan tibalah masanya bagi penggubal dasar ini tampil bersemuka dengan orang ramai sebelum sebarang dasar dikenalkan seperti kata orang sudah buat keputusan baru diberigakan walhal yang lebih tepat ialah berigakan dahulu, minta pendapat orang ramai dan barulah dilaksanakan supaya dasar itu nanti akan lebih menepati kehendak negara sambil tidak memberi impak yang menjejaskan kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini, kaola percaya dengan adanya dasar yang digubal melalui pendekatan dan keterlibatan rakyat dan peniaga tempatan nanti akan dapat menyumbang kepada perangsang kemajuan aktiviti komersial dan perindustian yang dipandu oleh sektor swasta. Kaola juga percaya dengan keterlibatan aktif dari swasta ini akan dapat juga kepada penyumbang pendapatan dan perbelanjaan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola percaya titah baginda ini bukan saja misi dan harapan baginda akan tetapi lebih memikirkan kesejahteraan rakyat negara ini terpelihara dalam jangka masa panjang dan bagi generasi yang akan datang.

Maka sebagai langkah ke hadapan oleh baginda itu mustahak mencari jalan untuk semua pihak bukan saja dari pihak kerajaan, swasta dan *NGO* malah

penglibatan daripada golongan belia untuk sama-sama berkayuh dalam menyokong titah baginda menaikkan jumlah kutipan *KDN* Negara Brunei Darussalam.

Sekian Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola dengan hormatnya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ke atas peluang yang telah diberikan untuk bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2021 dan seterusnya mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut.

Kaola dengan penuh hormatnya sangat-sangat menjunjung kasih setinggi-

tingginya atas penghargaan dan kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada semua usaha yang telah dicurahkan oleh semua petugas barisan hadapan dan semua lapisan masyarakat dalam berganding bahu dengan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani wabak *COVID-19*.

Tanpa adanya kurnia perkenan dan pimpinan baginda yang begitu dalam terhadap kesejahteraan rakyat dan keamanan negara yang dicintai dan dengan sentiasa merafakkan doa serta dorongan untuk sentiasa mengingati *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* Yang Maha Berkuasa, semua usaha yang telah dijalankan tidak dapat akan dilaksanakan dengan jayanya.

Sesungguhnya, kejayaan negara dalam membendung penularan penyakit wabak *COVID-19* itu tidak lain dan tidak bukan semata-mata atas limpah rahmat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua yang patut kita syukuri diganding dengan kemuliaan seorang raja yang kita kasihi yang sentiasa mengambil berat akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya isi kandungan titah baginda amatlah besar maknanya bagi kita sama-sama saling memahaminya. Kaola menjunjung sepenuhnya titah baginda untuk mengamalkan ketelusan (*transparency*)

dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan modal insan, ekonomi dan usaha yang mengukuhkan kedayatahan fiskal kerajaan.

Kaola dengan rendah hati berpendapat bahawa ketelusan dalam kita mengenal pasti punca atau sebab sesuatu isu sangat penting kerana ia membawa kita ketelusan itu bukan sahaja diamalkan perbincangan di peringkat dasar dan pentadbiran atau di majlis-majlis mesyuarat sahaja, malah seharusnya memberi peluang kepada pihak awam untuk menyuarakan pendapat dan cadangan yang bernas yang boleh membantu kerajaan dalam menggubal dasar serta merancang tindakan-tindakan yang sepatutnya dilaksanakan.

إِنْ شَاءَ اللهُ jika ini kita terus amalkan negara akan mampu menghasilkan dasar-dasar yang berkesan serta menyusun strategi yang berdaya tahan yang membawa kepada perubahan atau peralihan yang positif dalam jentera pentadbiran kerajaan. Ini juga akan dapat menyokong konsep *Evidence Base Policy Making* atau pembuatan dasar berasaskan bukti yang bukanlah satu konsep yang baharu malah selalu dilaungkan sebelum ini. Tinggal sahaja lagi ia patut dibudayakan dan diberi penekanan serta peruntukan sumber yang mencukupi untuk ia diamalkan secara bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam sama-sama menjunjung, mendukung dan merealisasikan aspirasi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, keseluruhan jentera kerajaan mempunyai peranan untuk sentiasa bersatu padu dan bekerja dengan penuh iltizam dan berani dalam melakukan anjakan paradigma dan mentransformasi urus tadbir kepada lebih efisien dan berkualiti, efektif, telus, proaktif, kreatif dan inovatif dan mesra pelanggan yang sekali gus sama-sama menjurus ke arah merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif di Negara Brunei Darussalam.

Ke arah ini setentunya memerlukan warga perkhidmatan awam yang berjiwa besar, berdedikasi, berdisiplin, beretika kerja yang mulia lagi murni, berusaha giat bagi merancang strategik dengan bijak dan mantap dan melaksanakannya dengan memberikan perkhidmatan berkualiti yang lebih bertepatan dengan kehendak semasa di samping bersiap siaga menangani pelbagai cabaran serta sentiasa meningkatkan profesionalisme dan kemahiran diri.

Bagi mengambil inisiatif bersempena dengan Negara Brunei Darussalam menjadi pengerusi dan tuan rumah bagi acara kemuncak *ASEAN*, Negara Brunei Darussalam akan menerajui satu inisiatif dalam bidang kesihatan iaitu mempromosikan kesihatan mental melalui kerjasama antara *ASEAN* dan rakan-rakan dailog *ASEAN*.

Sesungguhnya inti pati kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh

Belas ini amat mencerminkan kedaulatan, kewibawaan dan kebijaksanaan baginda sebagai raja yang berjiwa rakyat dan sangat mengambil berat dan pemeduliaan akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta keselamatan, kemakmuran dan keamanan negara malahan juga pemimpin yang berwawasan global.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga negara kita, Negara Brunei Darussalam, yang sama-sama kita cintai berterusan diredai, diberkati, dirahmati dan di bawah perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**  
**أَمِينَ يَا رَابِلَ عَالَمِينَ**

Sekian, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu dengan jernih hati menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini sangat padat, bernas dan jelas yang perlu kita junjung, amat-amati serta dijadikan panduan dan iktibar. Ia jelas menggambarkan bahawa baginda sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Ia juga mencerminkan kebijaksanaan, pemeduliaan serta pandangan jauh baginda dalam memastikan setiap lapisan masyarakat bersatu padu, bersama-sama mengorak langkah dalam semangat kesepakatan khususnya dalam pembangunan modal insan, memperkasa pertumbuhan ekonomi negara dalam mengharungi arus perubahan global yang kian mencabar dan seterusnya kedayatahanan fiskal negara.

Menyentuh mengenai keadaan global, termasuklah di Negara Brunei Darussalam sememangnya tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar khususnya dengan penularan dan pandemik *COVID-19* yang memberikan impak dan kesan yang besar kepada pelbagai sektor di negara ini. Natijahnya, penularan pandemik *COVID-19* ini, membuka mata dan minda banyak pihak untuk berfikiran lebih kreatif dan

innovatif dalam meneruskan kehidupan dalam keadaan norma baharu. Selain itu, apa yang sangat ketara ialah sikap seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini yang secara telus dan ikhlas mengambil peranan dan bertanggungjawab dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh dalam sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara terus dijaga.

Sikap perpaduan inilah yang kita perlukan dan inilah yang mencerminkan bangsa Brunei yang sebenar. Penekanan dan pengukuhan sikap bersatu padu ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang antara lain titah baginda: **"Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Untuk ini semua, kita diperlukan lebih dahulu untuk bersatu padu, jangan berpecah belah pastikan semua usaha yang dibuat secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa. Inilah rahsia atau kejayaan Wawasan Brunei 2035."**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kita sibuk mengejar impian dan aspirasi negara, lebih-lebih lagi dalam keadaan norma baharu ini, kaola ingin menyeru agar kita semua tidak lalai atau leka dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tujuan undang-undang dan peraturan adalah untuk mengekalkan dan mewujudkan ketenteraman dan keamanan dalam masyarakat. Perkara ini, hendaklah sentiasa dititik beratkan serta dipergiatkan dan diperkukuhkan lagi agar tidak berlaku sebarang ketirisan dalam melaksanakan undang-undang dan peraturan berkenaan terutamanya bagi pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam membuat dasar negara.

Dalam pada itu, pengemaskinian peraturan dan undang-undang hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam memastikan ia terus relevan mengikut peredaran zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhirnya, kaola menyambut baik setiap usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kesemua pihak dalam sama-sama kita membangunkan negara bagi kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Banyak perkembangan dan program pembaikan yang telah dapat kita kecapai sepanjang tahun lalu. Amatlah diharapkan agar segala usaha kita termasuk dari segi dasar, rangka tindakan dan program akan dapat terus dipergiatkan dan dilaksanakan dengan mengambil kira pendekatan *Whole of Nation* dengan semangat persepakatan dan perpaduan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin



Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola lebih dahulu ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Titah baginda merupakan nasihat yang mencerminkan tingginya keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara yang sentiasa terjamin.

Seperti dititahkan sidang kali ini akan membincangkan Rang Peruntukan Belanjawan negara, kaola percaya peruntukan belanjawan ini amat penting dan bertepatan bagi negara bagi menghadapi cabaran-cabaran geopolitik dan geoekonomi global yang tidak menentu di samping negara-negara berlumba-lumba mendapatkan vaksin

untuk pulih daripada kesan wabak *COVID-19* dengan seberapa segera yang boleh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah menitahkan bahawa Negara Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi Pengerusi *ASEAN* dengan tema yang dipilih '*We Care We Prepare, We Prosper*'. Tema ini antara lainnya bertujuan memberi fokus kepada hal-ehwal kesejahteraan rakyat negara-negara *ASEAN* dan juga menekankan peranan rakyat *ASEAN* dalam meningkatkan kerjasama dalam ketiga-tiga *community pillars* iaitu *community political security, community economy* dan *community social culture*.

Secara amnya keutamaan dan *deliverables* yang akan dimajukan seperti *regional travel arrangement, COVID-19 Recovery Framework, enhance ASEAN coordination*, dan *mental health* dalam era pasca *COVID-19* pada tahun ini bukan sahaja akan dapat dimanfaatkan oleh negara-negara *ASEAN* lainnya malahan ianya akan dapat menyumbang kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam dan pembangunan negara yang mampan. Tambahan juga usaha-usaha ini adalah untuk memajukan dan mempercepatkan pemulihan serantau berikutan pandemik *COVID-19*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kementerian ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan padu yang

diberikan oleh kesemua lapisan masyarakat dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi Negara Brunei Darussalam mempengerusikan *ASEAN* pada tahun ini.

Usaha-usaha kita bersama secara *Whole Of Nation Approach* ini adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk dengan sebaik-baiknya termasuk juga dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 untuk generasi sekarang dan generasi-generasi akan datang.

إِنْ شَاءَ اللهُ pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha ke arah itu. Dalam pada itu, kaola sukacita menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara kelmarin.

Sekian وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

### **Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali marilah kita bersyukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى على atas rahmat dan nikmat yang dilimpahkan ke atas negara kita sebagai negara yang aman makmur seperti yang kita nikmati selama ini atas kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola berdiri di sini dengan setulus ikhlas menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Dalam titah baginda telah jelas memberikan tahniah yang hangat kepada semua petugas barisan hadapan dan bahkan seluruh lapisan masyarakat yang sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan baginda dalam menangani wabak *COVID-19* dengan memiliki semangat rela berkorban yang tinggi sehingga sanggup berhadapan dengan risiko bahaya tanpa mengira masa dan keadaan.

Kesanggupan yang mereka miliki ini menandakan sikap sabar yang tebal dalam kalangan para petugas itu sendiri dengan mengorbankan waktu yang seharusnya bersama keluarga mereka dan dengan pengorbanan ini hasilnya negara kita telah berjaya membendung wabak berkenaan. Keberhasilan ini juga adalah disertai dan dibantu dengan doa daripada pemimpin (baginda sendiri) dan tidak terkecuali rakyat negara ini amnya.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, Dalam masa yang sama, rakyat juga bersyukur diatas kebijaksanaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana bertindak cepat dan tepat dalam menangani wabak *COVID-19* ini dengan

mengawal sempadan-sempadan bagi keluar masuk ke negara ini dan dalam masa yang sama telah menyediakan tempat-tempat kuarantin yang lengkap dengan kemudahan dan seterusnya membantu meringankan mereka yang terlibat dalam perusahaan perniagaan, pekerjaan dan seumpamanya. Ini amat disyukuri oleh rakyat negara ini.

Menyentuh mengenai pembangunan modal insan, setentunya meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Modal insan yang ingin dihasilkan dan diketengahkan perlu mampu berfikir secara kritis dan kreatif, jujur lagi amanah, berdisiplin serta berkemampuan menyelesaikan apa juga masalah dan berkeupayaan mencipta peluang-peluang pekerjaan, perusahaan, perniagaan dan seumpamanya.

Seterusnya modal insan juga mestilah ada memiliki percaya diri dan berkebolehan serta mempunyai ketahanan menghadapi dunia global yang selalu berubah-ubah setiap waktu. Oleh itu, amatlah perlu bagi negara ini untuk mengeluarkan dan mempersiapkan modal insan yang berkualiti dan berdaya tahan bagi mencapai hasrat tujuan Wawasan Brunei 2035 yang akan mendatang dalam semua bidang yang diperlukan oleh negara. Dalam hal ini, peruntukan diperlukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan isu penurunan fiskal, perkara ini sedikit sebanyak mungkin boleh ditangani dengan memberikan peluang dan

seterusnya sokongan yang padu kepada Majlis Perundingan Kampung untuk meningkatkan dan memperkasa Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dengan memberikan kursus-kursus dan latihan-latihan khusus keusahawanan yang lebih tersusun dan jelas hala tuju dan mudah difahami oleh pelatih-pelatih dan seterusnya sokongan moral dan bantuan modal sama ada berbentuk geran atau pinjaman mudah dan tidak dipersulit (perlu dilihat dan dikaji).

Di samping itu diberikan bimbingan dan pemantauan secara berterusan oleh pihak berkepentingan yang lebih serius dan jangan dibiarkan mereka bergerak bersendirian tanpa bimbingan padu dan buat pengiktirafan atau anugerah kepada mereka yang berjaya sebagai penghargaan dan pemangkin kepada yang lain.

Akhirnya, kaola sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 15 Mac 2021.

Sekian,  
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Salam sejahtera dan salam permata hijau.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu dengan tulus ikhlas menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dan atas limpah kurnia titah baginda pada 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Kaola juga bersama-sama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain menyokong sepenuhnya Usul daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang

menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi dan berkenan mengurniakan titah di istiadat Perasmian semalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan kurnia yang amat besar nilainya dan sangat-sangat ditunggu oleh lapisan masyarakat. Titah baginda kali ini jika diamat-amati, jelas menggambarkan bahawa baginda sangat mengambil berat isu-isu kepentingan rakyat, yang berkaitan dengan pembangunan modal insan, ekonomi dan kedayatahan fiskal negara, Tabung Amanah Pekerja, pengangguran dan semua ini jelas baginda memerlukan komitmen seluruh lapisan terutama sekali pemegang dasar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Marilah kita merafakkan syukur ke hadrat kerana pengurniaan nikmatnya merupakan keamanan, kesejahteraan dan kesihatan yang dapat kita nikmati selama ini dan kita juga bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam setakat ini terselamat daripada penularan wabak *COVID-19*.

Ini adalah hasil kerja keras secara bersepadu semua pihak daripada doa raja kita, dari amalan-amalan soleh kita, amalan patuh, taat, setia kepada pemerintah, amalan cara hidup norma baharu dan amalan-amalan soleh wajar diteruskan sampai bila-bila masa. Walaupun negara kita disuatu hari nanti, *إِنْ حَسَاءَ اللَّهُ* bebas daripada wabak *COVID-19*, iaitu sebagai suatu cara untuk kita memohon dan meraih rahmat, keberkatan, pertolongan serta perlindungan

Dalam kesempatan ini, kaola ingin ikut serta memberikan beberapa pandangan mengenai beberapa isu yang telah dibangkitkan. Menyentuh modal insan, kita sedia maklum bahawa kemajuan sesebuah negara itu sering dikaitkan dengan pembangunan modal insan kerana modal insan boleh membawa perubahan yang menyeluruh. Antara fokus utama ialah melahirkan keluarga yang harmoni, Keluarga adalah salah satu teras perkembangan modal insan di samping ilmu dan amal yang bermanfaat dan berkelakuan baik serta bersikap positif dan mempunyai daya kemahuan yang tinggi. Keluarga yang harmoni akan pula dapat membentuk masyarakat yang sejahtera sekali gus menjadi salah satu pelengkap kepada *ecosystem* sesebuah modal insan.

Ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035, sudah mengandungi ciri-ciri pembentukan modal insan yang berkeupayaan namun masyarakat umum perlu meningkatkan kesedaran terhadap ciri-ciri tersebut agar modal insan yang diharap-harapkan itu dapat dilahirkan

pada ketika ini calaknya, agar pula mendukung lagi kepada ekspresi kedua dalam Negara Brunei Darussalam ekonomi *blueprint*, iaitu warga yang berkemahiran mudah suai dan inovatif yang menghendaki warga kita menjadi warga yang boleh dipasarkan dalam keperluan ekonomi kini. Begitu juga siaga masa depan, apatah lagi dalam zaman Revolusi Industri Keempat yang sudah banyak dilihat membawa perubahan-perubahan dan manfaat kepada penggunaan *digital* dan *internet*.

Namun yang demikian jurang penggunaan teknologi antara generasi kini dan yang sebelumnya haruslah juga diambil kira agar tiada tercicir golongan berusia daripada menikmati keperluan teknologi *digital* dan *internet* agar pencapaian perkhidmatan dan *product* kekal dapat sama-sama dirasakan dan mampu melayani pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan yang kurang berkeupayaan. Begitu juga melalui beberapa program, antaranya melalui program PKBN, Penubuhan Persatuan Alumni PKBN melalui Persatuan Belia, Badan-Badan Kebajikan, Belia Masjid, Biro Belia, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan lain-lainnya, memerlukan suntikan baharu bagi membuat perubahan. Ini memerlukan penilaian dan perancangan yang benar-benar memberikan impak kepada pembangunan modal insan yang sebenar.

Mungkin salah satu contoh ialah mewujudkan program lanjutan kepada Alumni PKBN. Dalam bidang ekonomi, khususnya Daerah Temburong,

Pelaburan Langsung Asing hendaknya menawarkan peluang-peluang yang boleh meningkatkan nilai kemahiran dan pengetahuan sumber tenaga manusia agar seiring modal insan mempunyai daya kemahiran yang setanding dengan sumber tenaga manusia di negara-negara lain. Meneroka peluang-peluang eko-pelancongan untuk menarik pelancongan dalam negeri khususnya, namun dalam masa yang sama perlunya mengekalkan kehijauan Daerah Temburong yang diberi julukan '*The Green Jewel*' agar kesinambungan eko sistemnya termasuk perairan sungainya sentiasa berkeadaan baik dan tidak mengalami pencemaran serta gangguan atau penyusutan kepada sumber alamnya di samping menyedari akan keperluan yang diraih daripada nikmat yang telah tersedia.

Menjadikan Daerah Temburong sebagai salah satu destinasi percutian pada hujung minggu yang dapat menawarkan pelbagai aktiviti dengan melibatkan komoditi setempat yang diupayakan dan dilengkapi dengan kemahiran selokbelok industri pelancongan dan *hospitality* sebagai memberi khidmat sekali gus menambah kewujudan pasaran kerja yang mengambil warga daerah selaku sumber tenaga manusianya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jambatan Temburong telah diberi nama Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien yang mula digunakan pada 17 Mac 2020 sebagai kemudahan yang dinanti-nantikan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kitani masih sahaja belum bebas

penurunannya daripada wabak *COVID 19*, Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien adalah merupakan lambang kemodenan terunggul Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-74, tahun 2020, bagi mengingatkan baginda siapa yang dinobatkan sebagai Arkitek moden. Semoga dengan menyebut nama Sultan Haji Omar Ali Saifuddien akan membawa rahmat kepada baginda.

Dalam kesempatan ini, kaola bagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong melahirkan kesyukuran ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan jambatan berkenaan yang akan menjadi mercu tanda dan seterusnya akan menjadi ristaan dan sejarah untuk dikenang oleh seluruh lapisan masyarakat rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. Marilah kita bersama memohon doa ke hadrat semoga negara kita dijauhkan dari wabak penyakit dan bala bencana sebaliknya dilimpahi dengan berkat kemakmuran yang berpanjangan. Kita berdoa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Di-Raja beroleh kesejahteraan rahmat dan petunjuk serta perlindungan dan hidayat daripada.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat, dari Temburong. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

### **Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput :**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**  
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mewakili Zon 2 Daerah Belait, lebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana atas limpah dan izin-Nya jua makanya kaola berkesempatan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat hadir di Dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas, Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dengan rasa rendah hati menyokong sepenuhnya Usul yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddien Saadul Khari Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas titah baginda sewaktu merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung kelmarin 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Titah Baginda menyentuh pelbagai kementerian dan berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat. Pesanan baginda kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tentang pelbagai etika yang baik tentulah kami junjung dengan hati yang terbuka. Keprihatinan baginda kepada kemajuan negara adalah amat tinggi sekali. Kita sama ada sebagai perkhidmatan awam, pihak swasta, ahli perniagaan dan rakyat menjunjung kasih atas titah yang sangat tepat dan kena pada masanya itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, serangan wabak pandemik *COVID-19* umpama tercetusnya perang dunia, sudah setahun kita hidup bersama Koronavirus *COVID-19*, tahun 2020 tidak akan dilupakan dalam sejarah. Seluruh dunia mengalami kesukaran, kedukaan dan kesakitan.

Tiada negara ekonominya tidak merundum pada tahun 2020 termasuklah Negara Brunei Darussalam yang semuanya kehendak **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Di sebalik ujian sudah tentu ada sesuatu **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** ingin sampaikan kepada kita. Negara Brunei Darussalam bernasib baik kerana berjaya memerangi *COVID-*

*19* dengan cemerlang. Ini adalah berkat doa baginda Sultan dan diaminkan oleh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam dengan diikuti usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan yang terajui oleh Menteri Kesihatan, wabak tersebut dapat dikawal dengan baik. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat khususnya pejuang barisan hadapan dari pelbagai agensi kerajaan dan ahli-ahli sukarelawan terpenting penghargaan juga kepada seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berdoa serta patuh kepada perintah dan arahan-arahan yang dikeluarkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mewakili penduduk kampung dan mukim sukacita menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat amya dan yang berada di kawasan luar bandar khususnya. Menyentuh mengenai kesejahteraan dan kebajikan ini hampir keseluruhan kemudahan asas telah pun dibekalkan di kawasan luar bandar. Namun semuanya itu tidak akan dinikmati sepenuhnya jika tidak ada usaha-usaha untuk membendung penghijrahan penduduk luar bandar ke kawasan bandar atas alasan perumahan dan pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pembangunan juga mestilah seimbang



antara satu daerah dengan daerah yang lain agar pembangunan tersebut nampak seimbang, terutamanya dalam aspek prasarana, perindustrian dan sebagainya. Perlu ada perancangan baharu untuk meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar serta perlu ada usaha mewujudkan kawasan perumahan dan membawa pelbagai jenis industri berasaskan pertanian, industri ringan, industri berinisiatif buruh ke kawasan luar bandar untuk menjana peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar agar kurang berlakunya penghijrahan di kawasan bandar yang hanya semata-mata untuk mendapatkan rumah dan pekerjaan. Segala kemudahan yang disalurkan ke kawasan luar bandar tidak akan bernilai andainya penduduk kawasan luar bandar semakin berkurangan disebabkan oleh faktor yang dinyatakan di atas.

Pihak berkepentingan serta lapisan masyarakat wajar sama-sama berganding bahu mewujudkan persekitaran luar bandar yang selamat, berkualiti tinggi dan teratur. Oleh yang demikian, cadangan dan rancangan yang diwujudkan perlu dimasukkan ke dalam RKN untuk menjadi keutamaan kepada usaha-usaha untuk mempercepatkan pembinaannya. Setiap kementerian dan jabatan mesti ada kaedah pemantauan yang jelas agar pelaksanaan setiap projek dapat dilaksanakan mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan dan bermutu tinggi dan tidak bertangguh atau ditunda ke RKN berikutnya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dilimpahkan dengan berkat, rahmat serta aman makmur. Semoga Negara Brunei Darussalam bebas sepenuhnya daripada wabak koronavirus *COVID-19*.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua

**Yang Berhormat Yang Di Pertua:**  
Seterusnya Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat.  
dan salam sejahtera.

**اللَّهِ** dengan memanjatkan syukur ke hadrat **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan atas limpah dan kurnia-Nya jua maka kaola dapat bersama-sama dalam sidang yang mulia bagi menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Muizzaddin Waddualah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat seterusnya berkenan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021.

Kaola amat menyanjung tinggi atas nasihat, mandat dan amanat yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam bagi memikir dan merancang perkara-perkara strategik yang memberi tumpuan kepada aspek pembangunan modal insan, pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan kedayatahanan fiskal negara.

Kaola yakin dan percaya usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bersama agensi-agensi yang berkepentingan telah menampakkan hasilnya. Justeru, kita perlu peka dan jangan lalai dan cepat berpuas hati akan pencapaian yang diperolehi demi untuk menstabilkan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana mengurniakan kehidupan yang sihat, selamat dan sejahtera di bumi Brunei Darussalam ini.

Gejala wabak koronavirus yang melanda dunia sudah menjangkau lebih 1 tahun lamanya dan ia masih menjadi isu global sekarang ini tetapi kita di Negara Brunei Darussalam telah berjaya dalam usaha

mengekang penularannya berkat kerjasama semua lapisan rakyat, tinggal lagi apakah kita boleh bertahan dengan impak dari penularan wabak ini khususnya perkara yang berkaitan dengan sosioekonomi dunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sangat tertarik dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pemikiran terhadap skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) untuk dibincangkan. Bagi pendapat kaola perkara ini perlu dilaratkan kepada SCP juga iaitu bagi mencadangkan agar caruman kedua-dua TAP dan SCP dapat ditingkatkan dari pihak kerajaan bagi memastikan jaminan sosial iaitu *social safety need* rakyat terjaga.

Sebagaimana yang diketahui pencen umur tua sebanyak \$250.00 yang telah diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu kurnia yang bukannya dapat dirasai oleh semua negara tetapi hanya sesetengah negara yang mampu memikirkan kebajikan rakyatnya dengan memberikan atau mengurniakan insentif berkenaan. Akan tetapi di Negara Brunei Darussalam berkat kepimpinan dan keprihatinan raja terhadap rakyatnya maka kurnia pencen umur tua adalah satu jaminan bagi rakyat warga emas untuk menjalani umur persaraan.

Namun, disebabkan peredaran masa dan krisis ekonomi di seluruh dunia bagi

memastikan *sustainability* seseorang individu atau rakyat dalam menikmati kehidupan selesa selepas persaraan, maka wajar untuk cadangan bagi meningkatkan atau menambah jumlah peratus caruman TAP dan SCP dari pihak kerajaan dengan metodologi yang tepat selain menerima kurnia pencen umur tua. Kajian terperinci dan kefahaman mendalam mengenai kepentingan TAP dan SCP ini diharapkan dalam menentukan peratus tambahan dan pencarian kaedah yang tepat untuk dijadikan sebagai satu perangsang kewangan negara yang dalam masa yang sama tidak membebankan kerajaan dalam perbelanjaan masa depan *social welfare* di samping mampu menjamin kehidupan individu di peringkat persaraan umur 60 tahun ke atas. TAP dan SCP ini juga berpotensi untuk menjadi *social safety net (SSN)* bagi warga emas dan ini adalah selaras dengan strategi jaminan sosial Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, isu pengangguran sering sahaja disentuh dalam titah baginda justeru dalam usaha *MPEC* menjamin peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Kaola ingin mencadangkan agar mana-mana perjawatan dalam sektor kerajaan akan dapat dikaji dasar atau syarat perjawatan yang sedia ada, dengan syarat *over qualified* atau terlebih dari kelayakan perlu ditiadakan. Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada anak-anak tempatan mencuba nasib bagi bersaing mendapatkan jawatan di sektor kerajaan tanpa terikat dengan syarat-syarat maksimum kelayakan.

Seterusnya, titah baginda mengenai *fiscal consolidation*, Program *FCP* yang telah diperkenalkan bermula pada tahun 2018 diharapkan kementerian yang dianggap berjaya dalam mengadakan *FCP* ini akan dapat mengongsikan dan memberigakan kepada kementerian-kementerian yang lain bagi yang lebih berpotensi. Sebagai contoh, inisiatif seperti penyatuan sistem pengurusan aset-aset kerajaan dengan dibantu oleh sistem *IT* dan teknologi sudah menjadi satu kemestian bagi mendorong pengurusan kewangan yang lebih teratur.

Contoh kedua, ialah bagi pihak kementerian-kementerian kerajaan meneroka perkara-perkara berpotensi untuk diungkayahkan dengan kaedah *public private partnership (PPP)*. Semoga yang kaola sampaikan ini dapat difikirkan dan diterima baik sebagai satu cadangan bagi penambahbaikan.

Sekian daripada kaola, Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ucapkan berbanyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola wakil Zon 1 Daerah Belait amat bersyukur dengan ketelusan dan keikhlasan hati jua merafakkan sembah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola Zon 1 Kuala Belait, menjunjung kasih setinggi-tingginya dan sokongan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita menyatakan sokongan sepenuhnya Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyembahkan Usul setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri** Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam, pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021 serta limpah berkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita memanjatkan rasa syukur kerana Mesyuarat Pertama Musim Mesyuarat Ketujuh Belas Tahun 2021 telah bermula setelah penangguhan yang lalu. Walaupun kita masih berada dalam suasana koronavirus *COVID-19* yang melanda dunia, namun di negara kita Brunei Darussalam dengan izin Allah negara kita sebagai Negara Zikir, dengan Berkat Daulat Raja yang kita kasih, dengan ketangkasan dan kebijaksanaan serta kecepatan bertindak Kementerian Kesihatan dalam menanganinya amat berkesan bagi melawan dan memutuskan rantaian *COVID-19*.

Dengan izin Allah jua, vaksin kerohanian yang dipanjatkan kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** doa raja yang dikasih lagi berdaulat, taat beribadah kepada Allah, taat kepada raja yang dikasih, rakyat berzikir dan negara berzikir, ketangkasan kementerian-kementerian mengatur langkah khususnya Kementerian Kesihatan dan atas keprihatinan rakyat yang sepadu bekerjasama yang akur dan taat dengan peraturan yang digariskan,

akhirnya dengan izin Allah, semoga kita akan terus dalam perlindungan-Nya. Bahawasanya pengurniaan ucapan tahniah hangat daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan adalah amat tepat sekali ditujukan kepada semua petugas barisan hadapan dan seluruh lapisan masyarakat kerana berjaya membendung dan memutuskan rantaian wabak berkenaan.

Melalui Dewan yang mulia ini, kaola panjatkan rasa syukur kepada Allah dan kita juga dikejutkan oleh negara-negara jiran yang merasa kagum atas kebijaksanaan Negara Brunei Darussalam menangani wabak *COVID-19* tersebut. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita bersyukur sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa sambutan Isra Miraj bahawa....

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Ya, akhirnya dengan izin Allah semoga kita akan terus dalam perlindungan-Nya bahawasanya pengurniaan ucapan tahniah hangat daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan adalah amat tepat sekali ditujukan kepada semua petugas barisan hadapan dan seluruh lapisan masyarakat kerana berjaya membendung dan memutuskan rantaian wabak berkenaan. Melalui Dewan yang mulia ini kaola panjatkan rasa syukur kepada Allah dan kita juga dikejutkan oleh negara-negara jiran yang merasa

kagum atas kebijaksanaan Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli Yang Berhormat suhu dalam Dewan ini semakin redup dan kita semakin sejuk. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan menepati janji kita bahawa kita mempunyai *SOP* yang tertentu dalam kita menangani wabak *COVID-19* ini. Saya akan menutup majlis ini dalam masa 10 minit sahaja lagi.

Saya harap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan dapat membuat ucapan masing-masing tepat dan padat.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua mohon izin sedikit sahaja daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mengambil maklum bahawa kaola di dalam Dewan ini.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Ahli Yang Berhormat sila duduk.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin hadirat yang dihormati sekalian yang hadir di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola merasa bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah Kurnia-Nya jua maka kaola boleh berucap sama-sama menyokong menjunjung kasih Usul yang menjunjung kasih yang diucapkan masa ini iaitu titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pertama sekali kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tingginya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara semalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama sekali dalam memberi ucapan tahniah terhadap petugas-petugas barisan hadapan,

berkat daulat dan kepimpinan berkesan baginda diiringi dengan doa dan usaha bersepadu **اللَّهُ** wabak *COVID-19* dapat dibendung penularannya di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan ada baiknya kita mewujudkan hari khas bagi mengingati atau meraikan dan mengenang jasa petugas-petugas barisan depan mengikut syariat Islam sebagai tanda syukur kita serta bagi mengabadikan segala pengorbanan yang telah dicurahkan sebagai contoh kita mengingati Hari Petani, Hari Keselamatan Jalan Raya dan seumpamanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga tertarik dengan titah baginda mengharap agar sesi muzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan kementerian-kementerian dapat diadakan setiap kali mungkin bagi mendengar dan menangani kemaslahatan rakyat. Ini jelas menggambarkan sikap prihatin baginda tentang hal-ehwal rakyat dan sentiasa turun padang membuat lawatan-lawatan yang tidak berjadual. Dalam hal ini, kaola juga ingin agar sesi muzakarah ini dapat dijadualkan secara rutin dan dengan tempoh dalam setahun bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengemukakan sebarang pendapat dan pandangan dalam masa yang sama berpeluang untuk mengetahui perkembangan isu-isu yang berbangkit untuk diselesaikan.

Dengan ini percambahan fikiran dan kerjasama bagi semua pihak dapat

mewujudkan ke arah memantapkan kualiti perbincangan dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan, keharmonian dan sosioekonomi rakyat Negara Brunei Darussalam. Sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Usul menjunjung kasih ini, kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dalam kesempatan ini kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda seterusnya

mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ikut serta merafakkan syukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya jua saat ini dunia masih dilanda wabak koronavirus namun negara kita berjaya membendungnya dengan usaha padu semua pihak terutama Kementerian Kesihatan. Tahniah kepada mereka yang terlibat. Kaola berkesempatan lagi hadir dalam mesyuarat negara pada tahun ini.

Oleh itu, kaola akan sedaya upaya untuk menunaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana yang terkandung dalam titah baginda di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara yang menyentuh tentang peranan besar Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya persidangan tahun ini dapat memberi pandangan atau pandangan jauh ke hadapan tanpa sekatan malah rancak tetapi sihat.

Oleh itu, peranan abis kaola sebagai rakyat dan juga sebagai pemimpin akar umbi yang sering berdamping dengan anak-anak buah mukim dan kampung dengan sedaya upaya melakukan tindakan bersama dengan pihak-pihak berkenaan bagi melaksanakan

pembangunan modal insan. Pembangunan ekonomi dan turut mengukuhkan ketahanan fizikal negara demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Dalam perkara ini, setentunya pihak yang berkenaan sudah mempunyai perancangan tersendiri. Umpamanya, yang menjurus kepada pembangunan ekonomi negara terutama sekali memberi peluang anak-anak tempatan bekerja dan memegang jawatan penting di sektor swasta dan peluang-peluang keusahawanan agar tidak bergantung sepenuhnya pada kerjaya di sektor kerajaan sahaja.

Sehubungan dengan itu, peranan proaktif dan inovatif institusi-institusi yang berkenaan dengan melaksanakan kursus-kursus kemahiran dan menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* dalam semua peringkat amat sesuai dan bertepatan sebahagian daripada kerangka kerja Wawasan Brunei 2035. Oleh itu, pembinaan sebuah sekolah teknikal dan vokasional dan gerai belia perlu dilaksanakan di Daerah Tutong. Bagi membantu pengukuhan fizikal negara agar tidak bergantung terus kepada kerajaan, maka sumbangan kepada orang yang tidak berkemampuan menerusi aktiviti perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sesuai dengan keadaan sekarang dan akan datang iaitu menggalakkan bidang perekonomian 1 Kampung 1 Produk.

Di samping itu, kaola tidak lupa merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada kementerian-

kementerian atau jabatan-jabatan yang memberi peluang mengadakan sesi muzakarah dan diharap akan dapat berterusan sepertimana yang terdapat dalam titah baginda kerana dalam sesi permuzakarahan ini abiskaola dapat menyampaikan isu atau kemaslahatan anak-anak buah mukim dan kampung secara jelas dan telus.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, baginda ada menyentuh mengenai isu pengangguran. Dalam perkara ini kaola ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan menerusi *manpower planning* dan *employment council* telah berusaha membantu menjana peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan sekurang-kurangnya menurunkan peratus pengangguran.

Bagi memperbanyakkan lagi peluang pekerjaan sangat perlu dukungan dan kerjasama pelbagai pihak dengan memberikan anak-anak tempatan dengan kemahiran dan pengalaman.

Kemahiran yang kaola maksudkan ialah kemahiran untuk kerja-kerja kolar biru dan pekerjaan *3D* iaitu *dirty, difficult* dan *dangerous* yang suatu masa dulu tidak diminati oleh anak-anak tempatan supaya ada institusi-institusi memberi peluang, memberikan kursus seperti kursus pelbagai binaan bangunan, binaan jambatan, binaan jalan raya, penanaman paip bekalan air dan kabel, pemasangan kawat dan pengendalian mesin serta jentera berat. Kursus khusus ini pula diharap tidak memerlukan kelulusan akademik yang tinggi kerana pengangguran banyak dalam kalangan



setakat *O-Level* ke bawah dan yang penting mereka ada kemahuan dan rajin berusaha. Jika ramai jumlah anak tempatan yang diberikan kemahiran maka ramailah berpeluang mendapatkan pekerjaan. Jadi, dengan adanya laluan menerusi kursus-kursus ini maka diharap tidak ada lagi *mindset* anak-anak tempatan yang mengatakan tidak ada kemahiran atau tidak ada peluang pekerjaan.

Yang Berhormat dan Yang Di-Pertua, banyak jawatan-jawatan dalam sektor-sektor lain yang boleh diisi oleh anak tempatan tetapi jawatan-jawatan penting ini masih dipegang oleh pekerja-pekerja asing. Walau bagaimanapun, bukanlah maksud kita 100% meniadakan pekerja asing tetapi perlu juga diambil kira kepakaran mereka yang belum dapat dijabat oleh anak tempatan. Oleh itu, anak tempatan mesti belajar mengenai kemahiran yang kaola sebutkan tadi.

Bagi sektor-sektor yang mengambil pekerja asing pula perlu menggunakan nisbah dengan jumlah nisbah 80% lebih banyak kepada anak tempatan. Selain itu, bagi mengurangkan jumlah pekerja asing agar diisi oleh anak tempatan harus jua ada kemungkinan diperkenalkan akta atau dasar levi kepada pengambilan setiap seorang pekerja asing. Pada kesimpulannya, semua perkara yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan pemedulian, keprihatinan dan kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran semua

lapisan rakyat dan penduduk negara ini tanpa mengira bangsa, agama dan kaola turut sama menjunjung tinggi akan hasrat baginda.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga negara kita sentiasa dalam aman dan makmur bebas daripada pandemik *COVID-19* dan bersyukur kerana adanya kelonggaran membenarkan mengadakan perkumpulan majlis tidak melebihi 1,000 orang dalam sesuatu acara kerana negara kita bebas dari jangkitan tempatan mencapai 1 tahun. Walau bagaimanapun, jangan kita leka dan lalai kerana kes import masih wujud dan kontek rapat dikhuatiri tidak dapat dikesan bersama kumpulan kita.

Dalam kesempatan ini, sebagai penutup kaola menyebarkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pemedulian dan keprihatinan baginda terhadap penduduk Daerah Tutong khususnya mengenai keberangkatan lawatan bercemar duli mengharungi ke kawasan banjir ketika setiap kalinya berlakunya banjir besar di Daerah Tutong.

Kaola sebagai penduduk Daerah Tutong dan mewakili penduduk terlibat banjir menyebarkan rasa kekaguman, besar hati dan rasa terharu dengan pemedulian baginda. Oleh itu, marilah kita berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera dan sentiasa dalam perlindungan

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahar:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

*الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.*

dan salam *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* sejahtera. Pada awal kata kaola berdoa semoga kita semua termasuk sepertimana dalam firman *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* yang berbunyi:

*Azubillah minashaitan nirajeem, wallahu yuhibbul muhsinin.*

Tafsiran/terjemahannya: mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini kaola dengan hormatnya dan penuh takzim menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang sangat memberikan semangat untuk menyuarakan isu-isu yang kaola kira signifikan kepada rakyat, negara dan agama dalam negara yang sama-sama kita cintai ini. Sebuah Negara Zikir yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja yang makmur sebagai negara *بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ* Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2018 yang lalu, baginda bertitah sebagai sebuah negara Islam yang progresif pengukuhan maqasid syariah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari isnin, 1 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021.

Kaola memetik titah baginda: "Seperti yang lazim banyak perkara sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan

beta khususnya berkaitan dengan pembangunan modal insan, ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahan fiskal negara semua ini memerlukan komitmen seluruh lapisan terutama sekali pemegang dasar kerajaan.”

Pertama, kaola mengambil titah berkenaan modal insan dan akan lebih fokus kepada belia Negara Brunei Darussalam sebagai penerus bangsa dan warga negara sebagai modal manusia yang berpengetahuan, berkemahiran, berpegalaman dan mempunyai kualiti sosial yang menghasilkan nilai ekonomi.

Di Dewan yang mulia ini, mengusulkan supaya diberikan peluang lebih luas kepada belia memulakan perniagaan dengan memberikan kemudahan pinjaman permulaan perniagaan yakni *start up business*. Berikan kepercayaan kepada warga Negara Brunei Darussalam. Kita harus mencipta belia peniaga sebagai jutawan warga Brunei Darussalam bukan jutawan *import* yang baru saja beberapa tahun datang ke Negara Brunei Darussalam yang pada mulanya menjalankan perniagaan “Ali Baba”.

Perkara kedua, kaola menjunjung titah yang berbunyi: “Ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahan fiskal negara,” Dari petikan titah ini, kaola mengusulkan Negara Brunei Darussalam mewujudkan hab makanan halal dengan mengalu-alukan *FDI (Foreign Direct Investment)* menjadikan Brunei hab makanan halal sejagat. Persediaan negara serantau dan dunia antarabangsa mula melihat keutamaan makanan halal

bagi sektor pelancongan selepas pandemik *COVID-19*.

Ekonomi mula berkembang dan akan mengembalikan peningkatan dan pemulihan ekonomik global dan ini adalah peluang negara kita untuk menciptakan fiskal negara selain hasil minyak dan gas. Jika usul ini dapat diterima di Dewan yang mulia ini hendaknya dibuat kajian terperinci bagi peluang untuk mencipta fiskal negara. Jika negara kita mengambil *volume* makanan halal sejagat walaupun hanya setakat 5% atau 10% yang akan menunjukkan nilai ekonomi yang besar, kita perlu berfikiran besar yakni *think big*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola suka mengusulkan perkara ketiga yang menjunjung titah yang berbunyi: “Semua ini memerlukan komitmen seluruh lapisan terutama sekali pemegang dasar kerajaan. Pemegang dasar harus telus dan berani.” Saya mengusulkan satu dasar reformasi yang bermula di sebuah jabatan dan dikenali sebagai *ROCBN* dengan kerjasama kesemua agensi *as a whole of government approach*. Melalui pembuatan dasar supaya pengawalan pendaftaran syarikat, *enterprise* dan sendirian berhad.

Pengawalan pemilikan *share holders* asing dan mereka menjalankan perniagaan salah satu cara yang biasa dibuat sebelum ini ialah syarat Lesen Rampaian. Syarat-syarat syarikat sendirian berhad hendaklah dibuat terperinci bagi melindungi warga Negara Brunei Darussalam daripada digunakan oleh pihak peniaga “Ali Baba.”

Diusulkan permulaan kita fokus kepada peniagaan kedai runcit yang terlalu dimonopoli oleh orang asing. Cuba kita imbas balik kebelakangan pada zaman syarikat-syarikat kerjasama di kampung-kampung menjalankan perniagaan kedai runcit. Tetapi bila peniaga "Ali Baba" mengambil tempat *The Whole Nation* keberadaan syarikat kerjasama bagaikan disapu, hilang dan lenyap.

Perkara peniaga "Ali Baba" ini walaupun sudah beberapa kali dibawa dalam persidangan MMN ini, tetapi belum ada langkah tindakan yang berkesan. Malahan kedai runcit milik orang asing semakin tumbuh bagaikan cendawan apalagi dengan mudahnya pendaftaran syarikat sendirian berhad. Cuba bayangkan 'Nasi Katok' pun berdaftar sendirian berhad dan seterusnya kita fokus peniagaan restoran yang satu-satunya kegemaran peniaga orang Brunei.

Mungkin ini mampu membantu mengekang orang asing senang-senang berniaga padahal pada awalnya mereka datang sebagai pekerja tetapi pada dasarnya menjalankan peniagaan dan akhirnya mengambil peluang daftar syarikat sendirian berhad dengan rakan niaga yang sebelumnya sebagai majikan.

Setelah menjadi *share holder* dan sebagai pengurus mereka berpeluang membawa anak isteri dan ikut menikmati subsidi-subsidi dan juga lebih parah lagi *freelance* ikut menikmati subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Peniaga "Ali Baba" ini bila sudah umur meningkat mereka balik ke negeri asal dan melantik

anaknyanya sebagai pengurus menjalankan peniagaan. Perkara ini sudah kita saksikan berlaku dalam negara kita. Di mana kedudukan bangsa kita? Warga negara kita? Apa kah kita harus hanya sebagai pembeli dan peniaga kita seperti melukut di tepi gantang. Kaola merujuk peniagaan kedai runcit.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola suka memetik titah yang berbunyi: "Banyak isu penting yang boleh dimuzakarahkan seperti mengenai fiskal kerajaan yang menurun disebabkan oleh ketidaktentuan harga minyak *global*. Apakah yang negatif, bagaimana cara menanganinya."

Dari petikan titah berkenaan, kaola suka mengusulkan supaya Negara Brunei Darussalam memberikan peluang *FDI* di sektor kewangan yang memberikan khidmat kemudahan kewangan dalam membantu mengembangkan pembangunan peniagaan negara dan di peringkat *global* yang bertapak di Negara Brunei Darussalam. Mudahlah ia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hab kewangan serantau dan antarabangsa. Khususnya membantu pembangunan ekonomi yang mampu meningkatkan fiskal negara.

Sebelum mengundur diri kaola suka sekali lagi menyembahkan menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan merafakkan doa ke hadrat supaya sentiasa merahmati baginda menerajui Negara Brunei Darussalam, memperkukuh Maqasid Syariah sebagai negara Melayu Islam Beraja. Birah mati kaya ar rahman rahimin.

Sekian. *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima Kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, sekarang dan akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menggabungkan diri menjunjung kasih di atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Ada 6 perkara yang ingin kaola sentuh:

1. Pelaksanaan *pendetailan* ekonomi. Kaola ini menanyakan mengenai pembangunan teknologi *digital* dari aspek perekonomian negara. Adakah negara telah mempunyai satu dasar yang jelas dan melaksanakan tindakan bersepadu dalam kalangan semua sektor kerajaan dan swasta?

Kaola berpendapat bahawa negara perlu mengekalkan kelestarian pembangunan negara terhadap pendigitalan ekonomi yang lebih menyeluruh bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam aspek perindustrian dan akademik disebabkan oleh pandemik *COVID-19*. Kaola bercadang agar proses pembangunan ekonomi *digital* dapat diperkukuhkan dan salah satunya seperti yang berikut:

- Memudahkan pendaftaran perniagaan dan permohonan lesen dalam talian secara efisien bagi menjamin kelangsungan ekonomi, kesejahteraan rakyat secara umumnya;
2. Latihan secara *online*. Pandemik *COVID-19* juga memberikan impak kepada pengusaha besar dan kecil-kecilan di Negara Brunei Darussalam terutama dari segi rangkaian pembekalan *global*. Hal ini memaksa para pengusaha untuk memikirkan secara mendalam bagaimana barang-barang yang diimport dari luar negara boleh dihantar ke kawasan sempadan dengan cara yang selamat dan mengikut waktu yang telah ditetapkan. Berikutan hal tersebut, kaola mencadangkan bahawa perlu dijalankan rangkaian "Webinar" mengenai pengurusan penghantaran barang secara cekap dan teratur. Ini membolehkan para pengusaha samada kecil-kecilan ataupun sederhana lebih memahami dan lebih *familiar* terhadap cara yang betul dan cermat dalam proses

penghantaran barang-barang dari luar negara. Selain itu, para pengusaha ini juga dapat menghantar barang-barang yang mereka jual secara lebih selamat ke luar negara. Selain itu suatu program seumpama ini diharap akan dapat membantu *small and medium enterprise* dari luar negara memberikan akses terhadap pasaran-pasaran baharu dengan memfokuskan kepada para pengusaha kecil dan sederhana. Memproduksi barangan yang lebih baik dari sudut kualiti berdasarkan kehendak pasaran dan dalam masa yang sama menghubungkan para pengusaha tempatan kepada pembeli di luar negara;

3. Peluang pekerjaan melalui industri pelancongan *digital*. Penularan wabak *COVID-19* telah memberikan impak yang besar kepada industri pelancongan tempatan. Oleh itu, kaola ingin mencadangkan agar pembangunan industri pelancongan yang berdasarkan teknologi *digital* diwujudkan bagi memastikan objektif dasar pihak kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan memberikan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat tempatan yang berkenaan. Dengan ini pelaburan pelancongan yang berpusatkan teknologi digalakkan. Dengan yang demikian, kaola juga mencadangkan agar Negara Brunei Darussalam akan dapat mewujudkan zon pelaburan untuk projek pelancongan bagi meningkatkan kerjasama awam,

swasta serta menarik lebih ramai pelabur tempatan bagi mencapai matlamat tersebut. Secara tidak langsung juga, inisiatif terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara termasuk alam sekitar, budaya warisan akan dapat dikekalkan;

4. *Travel Bubble* (Perjalanan Rentas Negara). Krisis kesihatan telah memberikan kesan yang besar terhadap perekonomian negara. Usaha yang bersepadu perlu diberikan keutamaan untuk mengekalkan rangkaian bekalan serantau. Sehubungan dengan itu, agar negara merangka dasar bagi melaksanakan langkah-langkah *travel bubble* (perjalanan rentas negara) antara negara-negara jiran yang mempunyai kadar rendah dari segi jangkitan *COVID-19* bagi membantu rakyat tempatan mendapat peluang pekerjaan dan seterusnya menjamin hubungan perekonomian antara dua negara agar kesejahteraan rakyat akan lebih terjamin;
5. Penjualan barang *digital*. Bagi mencapai objektif terhadap proses *pendigitalan* ekonomi negara, kaola mencadangkan agar pihak kerajaan akan dapat memperkasakan usaha terhadap bantuan penjualan dan peralatan *digital* bagi rakyat tempatan melalui skim pembiayaan tertentu agar dapat meringankan bebanan rakyat tempatan yang ingin berjinak-jinak dan berkecimpung dalam bidang perniagaan

*e-commerce* tersebut. Ini kerana, terdapat sebilangan digolongkan belia mencari pekerjaan dan ingin memulakan bidang perniagaan namun tidak dapat melaksanakan hasrat mereka oleh sebab tidak mempunyai peralatan *digital* yang diperlukan; dan

6. *One stop centre*. Usaha untuk mengukuhkan ekonomi negara dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan merangka *platform digital* khusus bagi bidang perniagaan. Oleh yang demikian, kaola mencadangkan agar diwujudkan suatu laman yang boleh menjadi *one stop centre* para peniaga dan pengusaha kecil-kecilan meninjau peluang pelaburan dan perniagaan melalui laman-laman web khusus bagi suatu alat pemudah cara. Dengan ini, diharapkan akan dapat memberikan peluang pekerjaan dan juga membolehkan rakyat tempatan meningkatkan ekonomi sesebuah keluarga dan organisasi secara umum.

Sekian, terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun dengan panjang lebar pada hari ini membincangkan Usul dan membahaskan Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyebarkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2021 semalam dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan daripada semua Ahli terhadap Usul yang telah pun dikemukakan ini. Walau bagaimanapun, bagi kita melaksanakan tugas kita, maka saya berpandangan ada baiknya Usul ini sekarang kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, supaya Usul ini kita terima sila angkat tangan.

#### **(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih. Semua Ahli nampaknya bersetuju dan dengan itu kita sebulat suara meluluskan Usul yang telah dikemukakan ini.

Alhamdulillah, saya cadangkan kita tangguhkan Persidangan kita ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada besok hari iaitu hari Rabu, 17 Mac 2021 pukul 9.30 pagi.

Sekian. وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**